



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
09 MEI 2019 (KHAMIS)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	EZ-ZAKAT MUAMALAT MUDAHKAN POTONGAN
MUKA SURAT	61

Ez-Zakat Muamalat

Info

→ Kemudahan pengiraan dan potongan zakat secara automatik bagi akaun simpanan dan semasa dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

→ Perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat ditawarkan di semua 64 cawangan Bank Muamalat seluruh negara

→ Kaedah kiraan dan potongan zakat yang digunakan mengikut praktis LZS-Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)



Redza Shah (kiri) bersama Abdul Basith (kanan) dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor, Profesor Emeritus Muhammad Awang pada majlis menandatangani dokumen persetujuan antara Bank Muamalat dan LZS di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ez-Zakat Muamalat mudahkan potongan

Kuala Lumpur: Bank Muamalat Malaysia Berhad melancarkan fasiliti Ez-Zakat Muamalat iaitu kemudahan pengiraan dan potongan zakat secara automatik bagi akaun simpanan dan semasa dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

LZS adalah rakan kongsi kedua Bank Muamalat dalam menyediakan khidmat pengiraan dan pemotongan zakat ke atas akaun simpanan pelanggannya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Redza Shah Abdul Wahid berkenan bersama-sama dengan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor, Profesor Emeritus Muhammad Awang pada majlis menandatangani dokumen persetujuan antara Bank Muamalat dan LZS di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

“Sebagai penyedia perkhidmatan perbankan Islam, Bank Muamalat menjadikan Ez-Zakat sebagai perkhidmatan ikonik.

“Perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat ditawarkan di semua 64 cawangan Bank Muamalat seluruh negara.

“Kaedah kiraan dan potongan zakat yang digunakan mengikut praktis LZS-Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

“Dengan fasiliti ini, ia memu-

dahkan pendeposit Bank Muamalat beragama Islam menuaikan kewajipan berzakat ke atas wang simpanan mereka.

“Potongan zakat dilakukan secara automatik apabila cukup haul dan nisab,” katanya pada majlis menandatangani dokumen persetujuan antara Bank Muamalat dan LZS, di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Penyelaras LZS, Abdul Basith Hamid.

Layak dapat pelepasan cukai
Redza Shah berkata, potongan zakat yang dibuat melalui Ez-Zakat Muamalat melayakkan pendeposit mendapat pelepasan cukai pendapatan mengikut Seksyen 6A (3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Selain zakat, Bank Muamalat turut mempromosikan wakaf, perancangan harta dan akaun emas.

Redza Shah berkata, ketika ini, Bank Muamalat dalam proses menjalankan kerjasama pengurusan zakat dengan empat negeri.

Sebagai institusi kewangan pertama memperkenalkan perkhidmatan Ez-Zakat, beliau meminta lebih banyak perbankan Islam menyediakan kemudahan sama.



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	STRUKTUR TANAH PUNCA PAIP PECAH
MUKA SURAT	62

Struktur tanah punca paip pecah

Shah Alam: Pihak West Coast Expressway Sdn Bhd (WCE) menafikan masalah paip pecah di projek pembinaan Lebuhraya WCE Banting-Taiping Ahad lalu berpunca daripada reka bentuk dan pembinaan lebuh raya itu.

Dalam satu kenyataan semalam, WCE menegaskan siasatan awal mendapati masalah struktur tembok tanah berkenaan berpunca daripada perubahan struktur tanah terbabit dan ketika ini, siasatan pihak perunding geoteknikal masih berjalan.

Masalah paip pecah itu menyebabkan 160,000 akaun atau hampir 800,000 pengguna di Klang mengalami gangguan bekalan air.

WCE berkata, pihaknya menyediakan lori tangki air bagi memudahkan pengguna terjejas mendapat bekalan air, sekali gus menyokong usaha Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Kelmarin, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata gangguan dijangka selesai sepenuhnya petang ini dan kawasan paling lewat menerima bekalan air adalah Telok Gong di Pulau Indah.

Amirudin berkata, gangguan bekalan air itu berlaku selepas runtuhan jajaran lebuh raya berkenaan pada tengah malam 4 Mei lalu, yang kemudian memberi tekanan kepada tiga paip masing-masing berkapasiti 1,400 milimeter (mm), 900mm dan 600mm.



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	PENDUDUK TERPAKSA ANGKUT AIR 2KM
MUKA SURAT	62

PAIP UTAMA WCE PECAH

Penduduk terpaksa angkut air 2km

Klang: Penduduk dan pengusaha restoran kesal dengan gangguan bekalan air tidak berjadual selepas tiga paip utama berhampiran projek pembinaan Lebuh Raya West Coast Expressway (WCE) Banting-Taiping itu pecah, Sabtu lalu.

Seorang penduduk di Taman Sri Andalus, Saha Zulan, 32, menghadapi kesukaran mengambil bekalan air di lokasi disediakan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) apabila jarak dari rumahnya ke tempat pengambilan air sekitar dua kilometer.

"Jarak jauh buat saya terkejarkan dengan masa yang saya ada. Lori air ada datang tapi tidak cukup untuk semua penduduk di kawasan ini."

"Hampir ratusan ringgit terpaksa dibelanja untuk membeli air minuman memandangkan sekarang Ramadan."

"Saya harap pihak berkuasa dapat selesaikan masalah ini dengan segera," katanya kepada BERNAMA ketika ditemui di sini, semalam.

Pengusaha gerai makanan di

sebuah medan selera di Taman Sri Andalus, Bobbyraj, 53, berkata hampir semua gerai dan restoran di sekitar lokasi itu terpaksa ditutup kerana bekalan air tidak mencukupi.

Beliau berkata, kerajaan negeri atau pihak terbabit seharusnya memberi notis segera kepada penduduk sekitar yang terjejas dengan gangguan bekalan air itu bagi memudahkan mereka menadah air secukupnya.

Perniagaan terganggu

Seorang pengusaha restoran makanan Melayu di Jalan Sri Sarawak, Taman Sri Andalus, Hanafi Kassim, 49, berkata perniagaannya sedikit terganggu sejak bekalan air putus tiba-tiba dan menyusahkan pihaknya yang terpaksa mengangkut air di lokasi agihan air untuk dibawa ke restoran.

"Saya terpaksa tutup untuk beberapa hari kerana air yang ditadah tidak mencukupi untuk membuka kedai. Saya anggar RM200 hingga 300 juga kerugianya sepanjang kedai ditutup," katanya.

[FOTO BERNAMA]



Kerja membaik pulih paip utama yang pecah di tapak WCE Banting-Taiping, semalam.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	KONGSI REZEKI
MUKA SURAT	30



MOHAMMAD Syukri (tengah) bersama Mohd Helmi (kiri) menyampaikan sumbangan kepada Hadzlan.

Shah Alam: Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH) dan Ahli Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 13 Seksyen 32A Shah Alam, Mohd Helmi Mohd Hanip menyalurkan sumbangan 500 kotak kurma bagi program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) Ramadan 2019, di sini, kelmarin.

Pengurus KOHIJRAH, Mohammad Syukri Ismail berkata, pihaknya sangat mengalu-alukan penganjuran kemasyarakatan seperti

TKHM bagi membantu komuniti yang memerlukan.

“Meskipun ini sumbangan kali pertama bagi program TKHM namun kita sudah lama menjalankan hubungan kerjasama dengan pihak HM.

“KOHIJRAH sangat menyokong penganjuran program seperti ini. Kita berharap dapat terus menyalurkan sokongan kepada masyarakat sasar seperti golongan anak yatim, ibu tunggal serta asnaf.

“Sempena kedatangan

Ramadan, kita yang mempunyai 12,000 anggota koperasi ingin bersama-sama HM untuk berkongsi keberkatan,” katanya ketika di temui di majlis penyerahan kurma yang disampaikan kepada Penyunting Eksekutif Harian Metro, Hadzlan Hassan di Wisma Kohijrah di sini, kelmarin.

Sementara itu, Mohd Helmi turut menzahirkan rasa syukur apabila diberi sempatan untuk berkongsi rezeki bersama penerima sumbangan TKHM kali ini.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	IMEJ BAHARU SUNGAI KLANG
MUKA SURAT	20

WAWANCARA

Imej baharu Sungai Klang

Projek SMG pacu Selangor menerusi ekonomi maritim

Sungai sering di salah guna apabila dijadikan tempat pembuangan sampah sehingga menjadikan ekosistem dan memudarakan manusia.

Sungai Klang tidak terkecuali menerima nasib itu dan pernah tersenaraikan sebagai kawasan tadahan air yang tercemar yang mempunyai Indeks Kualiti Air (IKA) kelas V (tercemar dan berbahaya).

Bermula dengan cadangan

perbersihan Sungai Klang, potensi sungai itu dikembangkan dengan projek Selangor Maritime Gateway (SMG) oleh kerajaan Selangor.

Apa itu SMG? Ia adalah pelan jangka masa panjang mengembalikan peranan utama Sungai Klang sebagai lokasi riadah dan memacu ekonomi negeri melalui ekonomi maritim.

Kerajaan Selangor melantik Landasan Lumayan Sdn Bhd,

sebuah anak syarikat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) menyelia sungai sepanjang 56 kilometer itu.

Ikuti wawancara wartawan Sinar Harian, NORAFIZA JAAFAR bersama Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman yang berkongsi mengenai perkembangan projek tersebut.

Bagaimana perkembangan projek setakat ini?

RAJA SHAHREEN: Fasa pertama pembersihan Sungai Klang tidak mudah apabila sungai yang dinodai berpuluh tahun lamanya menghasilkan 50,000 tan sisa buangan dalam tempoh tiga tahun sejak 2016.

Semasa kerja pembersihan dilakukan segala macam sampah ditemukan termasuk rangka kereta, besi buruk, sisa binaan dan lain-lain.

Sehingga kini sebanyak RM10 juta dibelanjakan untuk kos pembersihan. Pembersihan ini kita teruskan selagi Sungai Klang itu 'hidup' daripada pembersihan mengeluarkan sisa buangan kepada pemantauan kualiti air.

Saya ingatkan tahap IKA yang berada di kelas IV atau V adalah *not bad* namun hakikatnya ia dianggap *worse*. Maka, kita sasarkan kualitinya ditingkatkan kepada IIB (2B) iaitu selamat digunakan untuk rekreasi.

Apakah proses seterusnya?

RAJA SHAHREEN: Projek SMG ini luas dari Mid Valley sehingga Pelabuhan Klang. Ia juga melibatkan pulau berhampiran seperti Pulau Indah, Pulau Ketam dan Pulau Carey.

Panjang sungai ini merentasi empat pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu

Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Klang.

Apakah bentuk pembangunan dan potensinya? Ia masih terlalu awal untuk dibincangkan. Mungkin sepanjang Sungai Klang itu ditambahkan untuk kawasan baru yang digazetkan sebagai tanah rizab bagi membolehkan pembangunan dilakukan di tepi sungai.

Banyak perkara yang perlu dilakukan selain pembersihan. Maka kita telah memanggil pelbagai pihak untuk mendapatkan cadangan dan pandangan mengambil kira pelbagai aspek dalam memastikan projek SMG ini mencapai objektifnya.

Sungai ini sudah disalah guna ber-

puluh tahun lamanya, banyak benda perlu dilakukan dan mencari kaedah supaya orang tidak buang sampah di sungai melalui saluran pembangunan pendidikan di peringkat sekolah, kerjasama dengan pelajar universiti dan sokongan daripada syarikat korporat.

Adakah masalah pencemaran masih berlaku di Sungai Klang?

RAJA SHAHREEN: Sebuah pelupusan sampah yang pernah ditutup beroperasi semula. Tanah seluas 40 hektar terletak berhampiran Bandar Sultan

Sulaiman itu sedang dalam penelitian pemuliharaan menggunakan teknologi bersesuaian.

Bagi saya, tempat ini bahaya dan kita kena berusaha membersihkannya semula. Kita boleh lihat air busuk dan hitam meleleh masuk ke sungai. Tapak pelupusan ini mengandungi gas metana dan boleh meletup bila-bila masa.

Terdapat juga sisa kilang penyumbang kepada pencemaran sungai disebabkan lokasinya berhampiran, banyak aktiviti industri dapat dilihat sepanjang sungai itu.

Kawasan ini perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum memikirkan pembangunan di tanah itu yang mungkin sesuai untuk aktiviti pertanian atau projek perumahan atau mengekalkannya sebagai kawasan industri.

Pengukuhan perlu diperkenasikan dengan kekerapan operasi memantau pelepasan air ke sungai mengikut standard yang ditetapkan supaya sungai tidak tercemar dan airnya cantik.

Apakah projek ekonomi maritim yang sudah dalam perancangan?

RAJA SHAHREEN: Sasaran lima tahun awal adalah menumpukan perkara asas pembersihan, pembaikan dan pembangunan tertentu.

Pengkalan batu antara kawasan potensi yang bakal dibangunkan sebagai lokasi tumpuan di Klang bertepatan dengan jolokan Klang sebagai Bandar Diraja.

Beberapa pembangunan akan dilakukan di kawasan ini termasuk taman riadah, lokasi makan dan sentral plaza yang bakal menghimpunkan pelbagai produk termasuk seni kraf dan mengangkat tradisi tempatan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut mencadangkan supaya kawasan paya bakau dikekalkan dan dipulihara untuk habitat hidupan liar dan tumpuan per singgahan burung hijrah.

Namun, kita perlu memikirkan kaedah penjagaan hutan bakau seluas 28 hektar itu dan menyelesaikan masalah kebersihannya apabila akarnya men-

jadi perangkap sampah.

Mampukah SMG direalisasikan se-perti perancangan asal?

RAJA SHAHREEN: SMG mula menampakkan hasilnya dan berjaya menarik minat pelabur untuk terlibat sebagai penyumbang, membangunkan sektor ekonomi di sungai sepanjang 56 kilometer itu.

Memorandum persefahaman (MoU) antara MBI dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang ditandatangani baru-baru ini juga antara bukti SMG mendapat respon positif.

Kita sudah keluaran *Expression of Interest* (EOI) dan banyak syarikat menunjukkan minat. Tidak semestinya satu syarikat akan mendapat keseluruhan kawasan dan ia akan dibagikan kepada taman riadah, alam semulajadi dan perumahan.

Ia adalah sektor ekonomi berterusan dalam tempoh yang panjang. Pulau Carey sahaja seluas 1,200 ekar tidak termasuk kawasan-kawasan lain dan juga kawasan baru yang bakal dibuka melalui cadangan penambakan.

Projek berada di landasan tepat dan berjalan mengikut jadual ditetapkan. Ia selari dengan hasrat kerajaan negeri memulihara Sungai Klang dan sebagai gerbang ekonomi maritim.

Mekanisme menjaga pembersihan diteruskan termasuk cadangan caj pembersihan ditanggung mengikut kawasan PBT masing-masing, untuk tanam sikap ambil berat dan peka dengan sampah kawasan masing-masing.

Pembersihan Sungai Klang turut mendapat perhatian sebuah syarikat Belanda yang setuju menyumbang bot automatik pembersihan sungai menggantikan sistem perangkap sampah yang di praktikkan.

Jika lihat sejarah sungai, ia menjadi lokasi pemilihan, aktiviti pengangkutan dan aktiviti ekonomi.

Kita mahu rumah yang dibangunkan menjadi kebanggaan dengan latar belakang sungai yang bersih bukannya dicemari bau busuk.



Projek SMG adalah pelan jangka panjang mengeralkan peranan Sungai Klang memacu ekonomi Selangor.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	LZS BANTU PENUNTUT UiTM
MUKA SURAT	38

LZS bantu penuntut UiTM

SABAK BERNAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan bantuan kepada bapa seorang penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Jasin, Melaka yang menghidap kanser buah pinggang tahap empat.

Ketua Divisyen Komunikasi Korporatnya, Datin Norajun Ainun Mohd Hashim berkata, mengikut rekod bapa Fildati Amalina, 19, menerima bantuan LZS kira-kira empat tahun lalu.

"Empat bantuan diperoleh Amir Shariffuddin Mohamed Shalan, 50, sejak 2015 hingga kini iaitu bantuan Hari Raya, kewangan bulanan, makanan bulanan dan bantuan pendidikan," katanya.

Beliau memberitahu, LZS juga meluluskan bantuan peruba-

Tangguh pengajian akibat kanser

Penuntut UiTM kini berjaya pulih dari penyakit kanser buah pinggang

MOMEN SUCI UNTUK AIYAH YANG MELAKUKAN PENGAJIAN

Seorang penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Jasin, Melaka di sini kerap mendengar buku persembahan seorang kakaknya yang menghadapi kanser buah pinggang tahap empat. Amrin Shariffuddin, 50, seorang penuntut semester dua jurusan Pengurusan Perniagaan dan Infotek dari wakaf muka dia bersama kakaknya yang merupakan ahli kewangan bulanan dan bantuan pendidikan.

"Selain menghadapi penyakit kanser buah pinggang, ayah saya juga menghadapi penyakit jantung. Ia menyebabkan ia tidak mampu bekerja dan tidak mampu berjalan-jalan. Sejak itu, dia hanya boleh berjalan-jalan dengan bantuan kursi roda. Untuk menguruskan perawatan ayah, kami mengambil pinjaman sebanyak RM260 dari wakaf muka dan menyumbang sebahagian daripada penghasilan.

"Selain menghadapi penyakit kanser buah pinggang, ayah saya juga menghadapi penyakit jantung. Ia menyebabkan ia tidak mampu bekerja dan tidak mampu berjalan-jalan. Untuk menguruskan perawatan ayah, kami mengambil pinjaman sebanyak RM260 dari wakaf muka dan menyumbang sebahagian daripada penghasilan.

Amrin Shariffuddin (tengah) bersama kakaknya (kiri) dan ibu bapa (kanan) semasa menghadiri majlis pengajian di Masjid Jamek Sabak Bernam. — Gambar: SINAR HARIAN

Laporan Sinar Harian Isnin lalu.

tan (kos ulang-alik) sejak dua tahun lalu.

"Sebanyak RM260 sebulan diberikan bagi menampung kos itu. Jumlah keseluruhan yang kita keluarkan tahun ini ialah RM3,120," katanya melalui kenyataan semalam.

Menurutnya, bantuan lain akan disalurkan berdasarkan keperluan dan syarat kelayakan.

Sinar Harian pada 6 Mei lalu melaporkan seorang penuntut UiTM Kampus Jasin, Melaka terpaksa menangguhkan pengajiannya selepas di-

sahkan menghidap penyakit kanser buah pinggang tahap empat.

Fildati Amalina, penuntut semester dua jurusan Pengurusan Perniagaan kini terlantar sakit akibat penyakit yang dialami selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Oktober 2017.

*Sila layari
sinarharian
.com.my*



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MDKS AMBIL TINDAKAN TEGAS
MUKA SURAT	39

KUALA SELANGOR.TANJONG KARANG

HUBUNGI SKUAD KUALA SELANGOR: ARZIANA MOHAMAD AZAMAN - 019-8680950 / 019 6680275

MDKS ambil tindakan tegas

Individu buang sampah haram bakal berdepan undang-undang

ARZIANA MOHAMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR



RAHILAH



Jalan Alam Jaya 1 menjadi lubuk sampah haram sejak awal Februari lalu.

MDKS akan mengambil tindakan tegas terhadap individu yang membuang sampah pukal dan sisa bahan binaan di Alam Jaya dekat sini.

Yang Dipertua, Rahilah Rahmat menjelaskan, Jalan Alam Jaya 1 antara yang dikenal pasti menjadi lokasi utama pembuangan dan pelupusan sampah haram.

Menurutnya, penguatan kuasa turut ditempatkan di kawasan aduan bagi mengejani individu yang tidak bertanggungjawab itu.

"Kita tidak akan berkompromi dengan mana-

mana pihak yang melupuskan sampah di kawasan larangan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Rahilah menjelaskan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal MDKS turut mengenal pasti lokasi lain yang masih menjadi tempat pembuangan sampah haram.

"Antara lokasi berkenaan ialah di Batu 6 dan Kampung Seri Sentosa, Ijok dan Bagan Sungai Janggut, Jeram," katanya.

Tegasnya, MDKS akan melakukan pemantauan secara berkala dan tindakan penguatan kuasa berterusan di kawasan tersebut.

Rahilah memberitahu, mereka yang didapati ber-

salah akan dikenakan kompaun maksimum sehingga RM1,000, boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

"Jika berterusan, tambahan denda tidak melebihi RM200 bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan.

MDKS serius menangani isu sampah haram di daerah ini," katanya.

Justeru, beliau berharap mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan dan orang awam untuk menyuarakan maklumat dan bukti jika perkara tersebut berulang di kawasan mereka.

Sebarang aduan boleh

disalurkan kepada MDKS secara atas talian di selangor.spab.gov.my.

Terdahulu, aktiviti pembuangan sisa buangan domestik dan pukal di kawasan tersorok di Alam Jaya dan Bandar Puncak Alam menimbulkan keimbangan penduduk.

Lori yang membawa muatan berlebihan turut membahayakan keselamatan penduduk terutama pelajar sekolah pada waktu punca.

Jurucakap Responds Team Bandar Puncak Alam (BPA), Kamarulzaikin Kamrudin, 50, berkata, aktiviti pembuangan sampah haram di lokasi tersorok dikejarkan sejak awal Februari lalu.

"Lori yang bawa muatan sampah secara berlebihan ini wajar dipantau agensi berkaitan bagi mengelakkan insiden tidak diingini."

"Lebih membahayakan kerana laluan yang digunakan pemandu lori ini adalah jalan yang sama ke sekolah sebelum masuk ke 'lorong tikus' untuk membuang sampah," katanya.



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	DAMAGED PIPES TO BE REPLACED
MUKA SURAT	6

Damaged pipes to be replaced

Repair work in Bukit Raja expected to be completed within three days

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

KLANG: Preliminary work to replace damaged pipes in Bukit Raja has started, says Selangor executive councillor Izham Hashim.

"We have engaged two construction companies to work 24 hours to divert the damaged pipes and expect work to be completed in three days," he said.

According to Izham, the new pipes will cut across the highway from their current location for about 300m to the opposite side.

After that, the pipes will cross the highway again to be connected

back to its original side.

The stretch of pipes that was dislocated and had multiple leaks due to soil movement will be sealed off and made redundant.

Most of Klang suffered chaos after water supply came to an abrupt halt on Sunday.

Three main pipes measuring 1,400mm, 900mm and 600mm at the Klang stretch of the West Coast Expressway project were severely damaged.

The soil movement also caused part of the road to sink, as well as some parts of the retaining wall to crack.

Izham said the pipes that would

be diverted were the 1,400mm and 900mm ones.

"Replacing the pipes and diverting them is seen as the best long-term solution.

"We have to spend a little more but will have a secure and safer alternative to ensure uninterrupted water supply for the people," Izham said.

He added that the matter was discussed and agreed upon at the weekly exco meeting yesterday.

The current site of the pipes was unpredictable as the soil there was marine clay, which was difficult to manage, he said.

It is believed that the location is

still experiencing soil movement.

Izham said West Coast Expressway Sdn Bhd would likely have to remove the entire stretch of the damaged highway and bridge and rebuild.

He also reminded relevant parties to obtain a plan of the underground pipes from Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd before starting any work.

On another matter, Izham said water supply to 44 areas from the Lipat Kajang reservoir had been gradually restored.

"Water to the remaining 22 areas which receive supply from Bukit Raja will be restored by Thursday

night," he said.

Meanwhile, National Water Services Commission (SPAN) chairman Charles Santiago said investigations had already started to identify the cause of the mishap.

He urged the Works Ministry to initiate immediate action to scrutinise the structural integrity of the construction.

Santiago added that SPAN was also looking at seeking compensation for consumers who had to undergo hardship because of the mishap.

Some 160,000 accounts and 700,000 users were affected by the unscheduled water disruption.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MBSA INITIATIVES
MUKA SURAT	2

MBSA INITIATIVES

- Shah Alam City Council (MBSA) is offering up to 50% discount on certain compounds until June 4. Parking compounds can be reduced to RM30.
- MBSA has placed 164 'Roll on Roll Off' bins all over the city until May 22 for the public to dispose bulk waste. For details, call 03-5519 6402.
- Shah Alam On Wheels will be at the parking lot of Tesco Setia Alam, Section U13, Shah Alam on Saturday from 11am to 3pm. Visitors can file complaints, buy parking coupons, pay assessment and check/pay outstanding compounds. For details, call 03-5522 2734.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	WATER SUPPLY RESUMES PARTIALLY
MUKA SURAT	4



Water can be seen flowing out from the loosened valve on this main water pipe in Taman Klang Jaya.



Residents queuing up to get water from a tanker in Ambang Botanic, Klang.

Water supply resumes partially

Tankers sent to Klang neighbourhoods but residents say amount insufficient

By AIDA AHMAD
aidahmad@thestar.com.my

WATER supply has resumed in some areas in Klang that was hit by an unscheduled water cut due to burst pipes.

In his media statement, Selangor Infrastructure and Public Amenities, Agriculture and Agro-Industry Committee chairman Izham Hashim said water tankers would continue to be deployed to the affected neighbourhoods.

Among the worst hit was a dialysis centre in Bandar Baru Klang. Al Ehsan Dialysis Centre had to

send 32 of its patients, who need treatment three times a week, to other dialysis centres in Shah Alam and Subang.

Its staff nurse Fakharuddin Abdul Aziz said they did not have water since May 5.

He said the centre had to close at 2pm instead of its usual 9pm because its reserve water tank was running dry.

The water disruption was due to three main water pipes that burst at the Banting-Taiping West Coast Expressway (WCE) construction site on Sunday.

It affected 65 areas in Klang,

involving 175,036 account holders, especially those who get their supply from the Bukit Lipat Kajang reservoir.

Residents in Taman Klang Jaya claimed to have seen people stealing water from the water pipes near Jalan Selampit 26.

As a result, water could be seen flowing out from the loosened valve.

A resident said one tanker arrived in the neighbourhood on Tuesday.

There are more than 4,400 residents in Taman Klang Jaya.

Meanwhile, Ambang Botanic

Residents Association chairman Caleb Khoo said yesterday that his neighbourhood had no water for four days.

He said two water tankers arrived on Tuesday at 10pm and 1am, but it was not enough.

"We have 822 households in Ambang Botanic. The two tankers only had enough supply for fewer than 100 homes," he said, adding that restaurants in the surrounding area were also closed.

Bandar Putera 2 resident Johan Fernandez said it had been tough since water supply stopped on Sunday.

"I have not seen a single truck (water tanker). This is a big area, so it could have been somewhere else."

Izham said Air Selangor had set up four temporary service centres to help residents and others who still did not have water and needed to request water tankers.

The centres are in Bandar Sultan Suleiman (at Masjid As-Saadah and Lingkaran Sultan Abdul Samad 2), Bandar Parkland (at the recreational park in Jalan Selima 8), Taman Sri Andalas (at the Taman Rakyat carpark in Jalan Tun Dr Ismail) and Batu Belah (next to Aeon Big in Jalan Kapar).



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	NEW INITIATIVES FOR RAMADAN VENDORS
MUKA SURAT	6



Fifteen exemplary Ramadan 2018 bazaar traders were given the opportunity to select their location and trading spot of choice this year at the launch of the MPSJ online Ramadan bazaar application. — Filepic

New initiatives for Ramadan vendors

Traders encouraged to use online wholesale platform to order and buy halal products

By KATHLEEN MICHAEL
kathleen@thestar.com.my

SUBANG Jaya Municipal Council (MPSJ) has assigned 23 Ramadan bazaar sites with 1,810 stalls in total this year.

Of these, 16 locations are under the purview of MPSJ while the remaining seven, which are clustered Ramadan bazaar locations, are managed by a different entity.

For the first time, the local council introduced a Ramadan food truck bazaar which takes place every Friday, Saturday and Sunday, from 4pm to 8pm, until June 2.

MPSJ is continuing its no polystyrene campaign, which it introduced in 2014 at the Ramadan bazaars, and which was fully enforced in 2016.

The council also introduced a new initiative to help traders to continue their businesses after Ramadan by launching the e-Borong (e-Wholesale) and GO2 Sales Help after Raya programme last month.

The e-Borong initiative is a collaboration by the council's Licensing Department with Best Marketing and Distribution Sdn Bhd to encourage traders to use the online wholesale platform to order and purchase halal and quality products at a lower price. They would also be



A customer using MPSJ's reusable bag to buy food at a Ramadan bazaar. — Filepic

entitled to free delivery.

This year will see MPSJ continuing the exemplary Ramadan bazaar vendors award.

Fifteen exemplary vendors will be awarded appreciation certificates, hampers, RM300 incentive, waiver of next year's Ramadan bazaar permit, and a chance to apply for a bazaar lot of their choice for next year's Ramadan.

Last month, MPSJ held a seminar for vendors where they

were advised to adhere to the rules and regulations while running their business.

They were briefed on how they could qualify for the exemplary vendor programme, which takes into account the vendor's compliance with licence and health criteria, cleanliness, stall creativity and being free from enforcement actions.

MPSJ also launched the Free Straws Campaign. There are 236

MPSJ Ramadan bazaar locations

Zone	Locations	Lots
Subang Jaya	USJ 1 (Pangsapuri Angsana)	30
	USJ 4, Subang Jaya	140
	USJ 7, Subang Jaya (Medan Selera MPSJ)	60
	Jalan Pinggiran USJ 1/1, Taman Pinggiran USJ Putra Heights, next to Restaurant Bestari Maju	30
	Taman Batu Tiga	40
Kinrara	Jalan Cenuk 1, carpark area, Taman Tenaga	20
	Taman Kinrara Section 4, next to Taman Mawar	60
Puchong	Jalan BK 5A/1, Bandar Kinrara Section 5	160
	Jalan Perdana 2, Taman Puchong Perdana	120
	OTK Supermarket, Taman Puchong Prima	160
	Taman Wawasan, Pusat Bandar Puchong	25
	Jalan TP 5/1, Taman Tasik Prima	60
Seri Kembangan	Jalan PUJ 3/2, Taman Puncak Jalil	120
	Jalan PP 1B, Taman Equine	120
	Jalan 18/35, Taman Sri Serdang	200

Non-MPSJ Ramadan bazaar locations

Zone	Locations	Lots
Subang Jaya	Jalan PJS 7/20, Sunway, Subang Jaya	30
	Jalan PJS 11/2, Sunway, Subang Jaya	30
	SS 17, Subang Jaya	30
	MPSJ 3K Complex, Subang Jaya	30
	Food truck bazaar, The Summit USJ outdoor carpark area	15
Puchong	Jalan BPU 7/2, Bukit Puchong	20
Seri Kembangan	Complex Rakyat PKPS carpark area	60



The Ramadan bazaar in BK5, Bandar Kinrara, Puchong. There are 23 bazaar Ramadan sites in MPSJ. — Filepic

stalls selling drinks this Ramadan.

The council's licensing director Muhammad Azli Miswan said there was no need for vendors to provide straws at the bazaars and they should only give if customers ask for it.

"During Ramadan, there is no need to offer straws. We are not prohibiting the use of straws, just reducing the use of straws," he said.

Muhammad Azli said there were

no cases of lots that were sublet to non-permit holders last year.

"We monitor Ramadan bazaars every day. If we find people who have sublet their lot, we will terminate their permit and blacklist them," he said.

Muhammad Azli added that there were cases of vendors who had foreign assistance at their stall last year but MPSJ would continue to monitor and take action should there be such violations this year.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	BEST OF TAMAN BERKELEY IN BOOKLET
MUKA SURAT	13



Taman Berkeley is famous for its food businesses that draw weekend crowds.

Best of Taman Berkeley in booklet

Youth committee sets out to print guide and produce videos for benefit of foodies

THE youths of Bandar Baru Klang DAP are on a mission to highlight the eateries and interesting food found in Klang, specifically Taman Berkeley, in a special booklet.

The 60-year-old Taman Berkeley is known for its 100-odd restaurants and food stalls that line six streets in the neighbourhood – Lebuh Bangau, Jalan Lang, Lebuh Lang, Jalan Angsa, Lorong Lang and Lorong Angsa.

Speaking at a press conference, Bandar Baru Klang assemblyman Datuk Teng Chang Khim said the area's special feature was that 30% of businesses there were focused on food.

"Taman Berkeley is a go-to place on weekends thanks to its branding as a food haven," he said.

Many speciality restaurants are located in Taman Berkeley and Teng said among

the must-try were *mee hoon kueh*, fried porridge, Pulau Ketam seafood and nasi lemak.

Over the next three months, Teng said the youth committee would be visiting restaurants and food stalls in Taman Berkeley in an effort to collate information and stories from business operators.

The content collected will also be used to produce videos that will be uploaded on

social media sites.

Teng, who is also Selangor Investment, Industry and Commerce Committee chairman, said his office would be partially sponsoring the publication of the booklet.

He urged all food operators in Taman Berkeley to lend their support to the initiative by buying ad space in the booklet.

— By KATHLEEN MICHAEL



KERATAN AKHBAR 09 MEI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	EXTENSIVE DAMAGE
MUKA SURAT	1

EXTENSIVE DAMAGE ... An aerial picture of a section of the West Coast Expressway in Klang that collapsed on May 5. The incident caused pipes in the foreground to rupture, resulting in water supply disruption to many parts of Klang. – PIC FROM SELANGOR DISASTER MANAGEMENT UNIT





AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	WATER SUPPLY IN KLANG RESTORED
MUKA SURAT	3

Water supply in Klang restored

PAGE - 3

PETALING JAYA: Consumers in 44 areas in Klang who had to suffer through several days of an unscheduled water cut can now heave a sigh of relief.

Water supply to the affected areas had been restored in stages, Selangor state exco member Isham Hashim said yesterday.

"As of 4pm yesterday, supply had been fully restored to more than 10 areas," he said in a statement.

These areas include Berjaya Park,

Glenn Cruise, Hospital Ampuan Rahimah, Jalan Istana, Jalan Kebun, Jalan Kem, Jalan Kota, Jalan Kota Raja, Jalan Padang and Pandamaran.

For those who have yet to get full supply, Air Selangor has activated four water service centres. These are at Masjid

As-Saadah, Bandar Sultan Suleiman, the recreational park in Bandar Parkland, the open parking lot in Taman Rakyat and

beside AEON Big Mall near Jalan Kapar.

Consumers who still need assistance can send an SMS to 15300 or send a WhatsApp message to either 019-2816793 or 019-2800919.

The latest updates on the situation can be found on the Syabas website as well as Air Selangor's Facebook and Twitter pages.

The water disruption began on Sunday when three pipes that ran along the West Coast Expressway burst.